

23/07/1997

Rasuah: Negara tidak terburu-buru

Ebi Azly Abdullah

SUBANG, Selasa - Kerajaan akan terus melaksanakan proses pembersihan struktur organisasinya daripada gejala rasuah, jika menerima bukti kukuh berlakunya amalan terbabit, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, gerakan membanteras gejala rasuah bukannya isu politik seperti yang dianggap sesetengah pihak tertentu, sebaliknya adalah sesuatu yang baik untuk negara.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menegaskan kerajaan tidak akan terburu-buru menahan seseorang itu kerana tuduhan rasuah, sebaliknya sebarang tindakan akan dibuat berdasarkan bukti kukuh serta mencukupi.

"Kerajaan akan bertindak jika keadaan memaksa atau jika menerima bukti kukuh.

"Kita tidak akan menahan orang membuta tuli, sebaliknya hanya akan bertindak jika perlu," katanya pada sidang akhbar setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di sini petang ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas deklarasinya 16 perkara yang dirumuskan oleh mesyuarat pelbagai pihak 'Muafakat Memerangi Rasuah', Sabtu lalu.

Antara lain, deklarasinya bersama itu meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa eksekutif untuk menyemak kes rasuah yang masih belum dibawa ke mahkamah.

Dr Mahathir berkata, tindakan membanteras amalan rasuah sudah dilaksanakan sebelum pihak pembangkang mendesak kerajaan berbuat demikian, yang lebih berbau politik.

"Masalahnya dengan ahli politik seperti ini ialah mereka melihatnya sebagai satu peluang untuk menjadikan lebih popular, bukan mewujudkan satu keadaan yang lebih baik.

"Dalam erti kata lain, mereka cuba mempolitikkan isu itu," katanya.

Mengulas isu lain, Perdana Menteri menegaskan tidak ada sebarang pertikaian berhubung projek Empangan Hidroelektrik Bakun di Sarawak, dan projek gergasi itu akan dilaksanakan mengikut jadual.

Menurut Dr Mahathir, sebarang perbezaan pendapat di antara Ekran Berhad dan kontraktornya, Asea Brown Boveri (ABB) berhubung kontrak kejuruteraan empangan itu boleh diatasi.

"Tidak ada pertikaian mengenai (Empangan Hidroelektrik) Bakun... projek itu akan diteruskan," katanya. Beliau berkata, kerajaan sudah menyelesaikan 'beribu-ribu' pertikaian kontrak sebelum ini dan tidak ada sebab mengapa masalah berkenaan tidak boleh diatasi dengan mudah.

"Sudah tentunya ada pihak yang tidak berpuas hati. Saya sudah menjelaskan bahawa ia adalah projek kebangsaan, dan kerajaan tidak akan membenarkan perasaan peribadi menjejaskan projek terbabit," katanya.

Mengenai isu Kemboja, Perdana Menteri berkata, beliau akan menemui semua Menteri Luar Asean bagi membincangkan langkah mengatasi masalah berkenaan.

(END)